


SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

POLISI ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

DISEDIAKAN OLEH:	DISEMAK OLEH:	DISAHKAN OLEH:
Tandatangan & Cop	Tandatangan & Cop	Tandatangan & Cop
 ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan	 HAJI MOHD NIZAM BIN MAHAYUDDIN SMP., AAP. Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan	 DATUK RAZZA BIN ZULKIFLI, DIMP., AAP Datuk Bandar Kuantan Majlis Bandaraya Kuantan
Tarikh	Tarikh	Tarikh
03. 04. 2026	03. 04. 2026	03. 04. 2026

NO. SALINAN TERKAWAL	PEMEGANG DOKUMEN (TANDATANGAN & COP RASMI)
BI 01 (02)	 ABDUL LATIF BIN RAMLEY Ketua Bahagian Integriti Pejabat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

REKOD PINDAAN

KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN	DILULUSKAN OLEH
01	04 Julai 2024	Pertukaran Datuk Bandar Kuantan	Pengurus SPAR MBK
02	03 April 2026	Mengemaskini dan menyelaraskan prosedur selaras dengan piawaian MS ISO 37001:2025.	Datuk Bandar Kuantan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1** Penarafan risiko rasuah dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2022 telah meletakkan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) sebagai jabatan berisiko sederhana.
- 1.2** Justeru, Polisi Antirasuah MBK dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan.
- 1.3** Polisi ini dibangunkan bertujuan untuk memastikan:
- i. Penerapan budaya antirasuah;
 - ii. Pengamalan nilai integriti yang tinggi;
 - iii. Tadbir urus yang baik (good governance) dalam pelaporan dan membuat keputusan.

2.0 PEMAKAIAN

- 2.1** Polisi ini terpakai kepada semua warga Majlis Bandaraya Kuantan. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti Majlis.

3.0 TUJUAN

- 3.1** Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

4.0 TAKRIFAN

4.1 Warga MBK

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di MBK sama ada lantikan tetap, pinjaman, kontrak atau sambilan harian. Warga MBK juga termasuk Datuk Bandar Kuantan dan Setiausaha.

4.2 Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

4.3 Suapan

Suapan merujuk kepada takrifan 'suapan' di bawah **Seksyen 3, Akta SPRM 2009** bermaksud:

- a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f);

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

4.4 Hadiah

Hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (*without consideration*) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi atau mencukupi.

4.5 Rakan Strategik MBK

Rakan Strategik adalah individu/ agensi kerajaan/ syarikat swasta/ pertubuhan bukan kerajaan/ koperasi dan mana-mana entiti yang telah menandatangani Nota Kerjasama Strategik, Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MBK.

5.0 DASAR ANTIRASUAH

5.1 MBK komited untuk menjamin dan mempertingkatkan integriti pengurusan dan kakitangan mengikut peraturan dan undang-undang yang digunapakai untuk mengekang aktiviti rasuah dan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang serta dapat menyampaikan perkhidmatan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

kepada pelanggan dengan sebaik mungkin serta merealisasikan visi MBK iaitu Kuantan Bandaraya Lestari, Inklusif, Resilien dan Pintar.

MBK mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan komited untuk bertindak secara telus, professional dan berintegriti semasa menjalankan urusan pentadbirannya.

Pihak ketiga yang dilantik untuk mewakili kepentingan MBK mestilah mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam polisi ini.

Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Antirasuah MBK, Dasar Hadiah dan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) MBK.

MBK akan:

- a) Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Undang-Undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan tugas mereka.
- b) Mewujudkan proses pengenalpastian, penganalisan, penaksiran dan kawalan risiko bagi proses-proses kerja utama serta membuat perancangan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

untuk mencapai objektif, sasaran, program dan pelan tindakan bagi aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti mempunyai risiko yang memberi impak kepada MBK.

- c) Membuat semakan semula dasar dan penilaian risiko sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun kalendar atau sekiranya ada perubahan dalam pengurusan, perundangan dan aktiviti-aktiviti jabatan.
- d) Mewujudkan ruang pelaporan yang selamat melalui Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) bagi menggalakkan pelaporan aktiviti salah laku rasuah atau sebarang pelanggaran integriti serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.
- e) Bahagian Integriti MBK bertanggungjawab memantau pematuhan SPAR MBK dan mempunyai hubungan secara terus dengan Pengurusan Tertinggi Majlis serta Badan Tadbir Urus (Governing Body) menerusi Jawatankuasa Tatatertib untuk melaporkan isu berbangkit mengenai rasuah atau SPAR.
- f) Pihak Pengurusan Atasan MBK komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi SPAR MBK mengikut standard MS ISO 37001:2025 (Anti-Bribery Management Systems).

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- g) Mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi DASAR SPAR MBK mengikut peraturan-peraturan, polisi, arahan, prosedur dan garis panduan MBK atau undang-undang yang berkuatkuasa.

6.0 PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

6.1 Perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah adalah seperti berikut:

- 6.1.1 *Transactive* - Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (win-win situation).
- 6.1.2 *Extortive* - Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.
- 6.1.3 *Defensive* - Bayaran dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan.
- 6.1.4 *Investive* - Bayaran untuk menjamin balasan/habuan pada masa hadapan.
- 6.1.5 *Nepotisme* - Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi/saudara (keluarga)/sekutu.
- 6.1.6 *Autogenic* - Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
- 6.1.7 *Supportive* - Penempatan proksi/kroni di tempat strategik (hotspot) dalam organisasi.

7.0 KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (ASPRM) 2009

7.1 Kesalahan Menerima Suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694

- 7.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau

7.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberikan, menjanjikan atau menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

7.2 Kesalahan Memberi atau Menerima Suapan oleh Agen di bawah Seksyen 17, Akta 694

7.2.1 Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetujui terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain**, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

7.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

7.3 Kesalahan Membuat Tuntutan Palsu di bawah Seksye 18, Akta 694

7.3.1 Mana-mana orang yang **memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya**, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya

mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

7.4 Kesalahan Menyogok Pegawai Badan Awam di bawah Seksyen 21, Akta 694

7.4.1 Mana-mana orang yang **menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.**

7.5 Kesalahan Menggunakan Jawatan atau Kedudukan untuk Suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

7.5.1 Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

7.6 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694

7.6.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- ii. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

7.6.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- ii. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

7.7 Kewajiban Melaporkan Transaksi Penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694

7.7.1 Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.

7.7.2 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i. didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
- ii. dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

7.7.3 Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

7.7.4 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i. didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
- ii. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

7.8 Kesalahan Menerima Barangan Berharga dengan Tiada Balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (AKTA 574)

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

7.8.1 Mana-mana pegawai awam yang tidak menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

7.9 Kesalahan Memalsukan Dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan (Akta 574)

7.9.1 Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

8.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA

Undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

8.1 Seksyen 3, Akta 694:

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

- a) mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
- b) kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
- c) kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- d) sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- e) sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

8.2 Seksyen 161 Akta 574: Penjawat Awam Menerima Suapan Kecuali Bayaran Di Sisi Undang-Undang Dengann Sesuatu Perbuatan Rasmi

8.2.1 Barang siapa, yang menjadi atau menjangka akan menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, kecuali bayaran di sisi undang-undang, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi melakukan atau supaya jangan melakukan apa-apa perbuatan rasmi, atau bagi memberi atau supaya jangan memberi, kemudahan atau kepayahan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

kepada seseorang, atau bagi memberi atau mencuba memberi apa apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasminya, dengan Kerajaan atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.3 Seksyen 162 Akta 574: Menerima Suapan Dengan Cara Tak Jujur Atau Menyalahi Undang-Undang Bagi Mempengaruhi Seseorang Penjawat Awam

8.3.1 Barang siapa menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi mendorong, dengan cara tak jujur atau menyalahi undang undang, seseorang penjawat awam supaya melakukan atau jangan melakukan sesuatu perbuatan rasmi, atau supaya memberi kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau supaya memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasmi penjawat awam itu, dengan Kerajaan, atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua duanya.

8.4 Seksyen 163 Akta 574: Menerima Suapan Bagi Menjalankan Pengaruh Peribadi Atas Seseorang Penjawat Awam

8.4.1 Barang siapa menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi mendorong, dengan cara menjalankan pengaruh peribadi, seseorang penjawat awam supaya melakukan atau jangan melakukan sesuatu perbuatan rasmi, atau supaya memberi kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau supaya memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasmi penjawat awam itu, dengan Kerajaan, atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.5 Seksyen 164 Akta 574: Seksaan Bagi Penjawat Awam Kerana Menyubahati Kesalahan Yang Ditakrifkan Di Atas

8.5.1 Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, yang berkenaan dengannya salah satu kesalahan yang ditakrifkan dalam seksyen 162 dan 163 itu dilakukan, menyubahati kesalahan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.6 Seksyen 165 Akta 574: Penjawat Awam Menerima Benda Yang Berharga, Dengan Tiada Balasan, Daripada Orang Yang Ada Kena Mengena Dalam Apa-Apa Pembicaraan Atau Urusan Yang Dijalankan Oleh Penjawat Awam Itu.

8.6.1 Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang penjawat awam yang di bawahnya ia bekerja, atau daripada seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.7 Seksyen 213 Akta 574: Mengambil Hadiah Dan Sebagainya Bagi Mengelakkan Pensalah Dari Seksaan

8.7.1 Barang siapa menerima, atau bersetuju menerima, atau mencuba mendapat apa-apa suapan untuk dirinya atau untuk seseorang lain, atau apa-apa pemulihan harta kepadanya atau kepada seseorang lain, sebagai balasan baginya menyembunyikan sesuatu kesalahan, atau baginya mengelakkan seseorang daripada seksaan undang-undang kerana sesuatu kesalahan, atau kerana tidak menjalankan tindakan bagi membawa seseorang kepada seksaan undang-undang hendaklah, jika kesalahan itu boleh diseksa dengan bunuh, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara seumur hidup, atau dengan penjara yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara yang tidak sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai seperempat daripada tempoh

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

penjara yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.8 Seksyen 214 Akta 574: Menawarkan Hadiah Atau Pemulangan Harta Sebagai Balasan Bagi Mengelakkan Pensalah Daripada Seksaan

8.8.1 Barang siapa memberi atau menyebabkan diberi atau menawarkan atau bersetuju memberi atau menyebabkan diberi, apa-apa suapan kepada seseorang, atau bersetuju memulangkan atau menyebabkan dipulangkan apa-apa harta kepada seseorang sebagai balasan bagi orang itu menyembunyikan sesuatu kesalahan, atau baginya mengelakkan seseorang daripada seksaan undang-undang kerana sesuatu kesalahan, atau baginya tidak menjalankan tindakan bagi membawa seseorang kepada seksaan undang-undang, hendaklah, jika kesalahan itu boleh diseksa dengan bunuh, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara seumur hidup, atau dengan penjara yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara yang tidak sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai seperempat daripada tempoh penjara

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.9 Seksyen 215 Akta 574: Mengambil Hadiah Kerana Menolong Mendapatkan Balik Harta Curi, Dan Sebagainya

8.9.1 Barang siapa mengambil, atau bersetuju atau rela mengambil, apa apa suapan untuknya atau untuk seseorang lain dengan pura-pura menolong atau kerana menolong seseorang untuk mendapatkan balik apa-apa harta yang boleh dialih yang telah diambil daripada orang itu dengan jalan melakukan sesuatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah Kanun ini, hendaklah, melainkan jika ia menggunakan segala ikhtiar yang ia berupaya bagi menyebabkan pensalah itu ditangkap dan disabitkan atas kesalahan itu, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.10 Seksyen 384 Akta 574: Seksaan Bagi Pemerasan

8.10.1 Barang siapa melakukan pemerasan hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.11 Seksyen 385 Akta 574: Mendatangkan Kepada Seseorang Ketakutan Bencana Dengan Tujuan Hendak Melakukan Pemerasan

8.11.1 Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan, mendatangkan kepada mana-mana orang, atau mencuba mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa apa-apa bencana akan berlaku, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.

8.12 Seksyen 386 Akta 574: Pemerasan Dengan Mendatangkan Kepada Seseorang Ketakutan Pembunuhan Atau Cedera Parah

8.12.1 Barang siapa melakukan pemerasan dengan mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dibunuh atau dikenakan cedera parah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai empat belas tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

8.13 Seksyen 387 Akta 574: Mendatangkan Kepada Seseorang Ketakutan Pembunuhan Atau Cedera Parah Dengan Tujuan Melakukan Pemerasan

8.13.1 Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan, mendatangkan atau mencuba mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dibunuh

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

atau dikenakan cedera parah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

8.14 Seksyen 388 Akta 574: Pemerasan Dengan Jalan Mengugut Hendak Menuduh Yang Seseorang Telah Melakukan Kesalahan Yang Boleh Diseksa Dengan Bunuh, Atau Penjara, Dan Sebagainya

8.14.1 Barang siapa melakukan pemerasan dengan mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dituduh telah melakukan, atau telah mencuba melakukan, sesuatu kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh, atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau telah mencuba mendorong mana-mana orang lain melakukan kesalahan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat; dan jika kesalahan itu ialah suatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah seksyen-seksyen 377, 377B dan 377c, maka ia bolehlah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun.

8.15 Seksyen 389 Akta 574: Mendatangkan Kepada Seseorang Ketakutan Dituduh Kesalahan, Dengan Tujuan Hendak Melakukan Pemerasan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.15.1 Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan, mendatangkan atau mencuba mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dituduh, telah melakukan, atau telah mencuba melakukan, sesuatu kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat; dan jika kesalahan itu ialah suatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah seksyen-seksyen 377, 377B dan 377c, maka ia bolehlah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun.

8.16 Seksyen 403 Akta 574: Menyalahgunakan Harta Dengan Curang

8.16.1 Barang siapa dengan curangnya menyalahgunakan, atau menjadikan bagi kegunaannya sendiri, atau menyebabkan mana-mana orang melupuskan, apa-apa harta hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.17 Seksyen 404 Akta 574: Dengan Curangnya Menyalahgunakan Harta Yang Dimiliki Oleh Si Mati Pada Waktu Matinya

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.17.1 Barang siapa dengan curangnya menyalahgunakan, atau menjadikan bagi kegunaannya sendiri, atau menyebabkan mana mana orang lain melupuskan, apa-apa harta, dengan mengetahui bahawa harta itu ada dalam milik seseorang si mati pada waktu matinya, dan semenjak itu tidak ada dalam milik sesiapa yang berhak di sisi undang-undang

memilikinya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika pensalah itu pada waktu matinya orang itu telah bekerja dengannya sebagai seorang kerani atau orang gaji, maka seksaan penjara itu tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.18 Seksyen 405 Akta 574: Pecah Amanah Jenayah

8.18.1 Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".

8.19 Seksyen 406 AKta 574: Seksaan Bagi Pecah Amanah Jenayah

8.19.1 Barang siapa melakukan pecah amanah jenayah hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.20 Seksyen 407 Akta 574: Pecah Amanah Jenayah Oleh Pembawa, Dan Sebagainya

8.20.1 Barang siapa, yang diamanahkan dengan harta sebagai seorang pembawa, ketua pengkalan, atau penyelenggara gudang, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.21 Seksyen 408 Akta 574: Pecah Amanah Jenayah Oleh Kerani Atau Orang Gaji

8.21.1 Barang siapa, yang menjadi seorang kerani atau orang gaji, atau yang bekerja sebagai seorang kerani atau orang gaji dan yang, dengan

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

apa-apa cara telah diamanahkan atas sifatnya itu dengan harta, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari empat belas tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.22 Seksyen 409 Akta 574: Pecah Amanah Jenayah Oleh Penjawat Awam Atau Ejen

8.22.1 Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, atas sifatnya sebagai seorang penjawat awam atau seorang ejen, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.23 Seksyen 417 Akta 574: Seksaan Kerana Menipu

8.23.1 Barang siapa menipu hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.24 Seksyen 418 Akta 574: Menipu Dengan Mengetahui Bahawa Kehilangan Salah Mungkin Dengan Jalan Demikian Itu Disebabkan Kepada Seseorang Yang Kepentingannya Pesalah Itu Terpaksa Melindungi

8.24.1 Barang siapa menipu dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan demikian itu menyebabkan kehilangan salah kepada seseorang yang kepentingannya dalam urusan yang berkaitan dengan tipu itu, ia terpaksa sama ada di sisi undang-undang, atau oleh suatu kontrak di sisi undang-undang, melindungi, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.25 Seksyen 419 Akta 574: Seksaan Kerana Menipu Dengan Jalan Samaran

8.25.1 Barang siapa menipu dengan jalan samaran hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.26 Seksyen 420 Akta 574: Menipu Dan Dengan Curangnya Mendorong Supaya Harta Diserahkan

8.26.1 Barang siapa menipu dan dengan jalan demikian itu mendorong dengan curangnya orang yang terpedaya, sama ada atau tidak perdayaan yang diamalkan itu ialah dorongan tunggal atau utama, supaya menyerahkan apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau supaya membuat, mengubah, atau membinasakan kesemua atau apa

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

apa bahagian sesuatu cagaran berharga, atau apa-apa yang bertandatangan atau bermeteri, dan yang boleh dijadikan suatu cagaran berharga, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.27 Seksyen 465 Akta 574: Seksaan Bagi Pemalsuan

8.27.1 Barang siapa melakukan pemalsuan hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

8.28 Seksyen 466 Akta 574: Pemalsuan Rekod Mahkamah Atau Daftar Beranak Awam, Dan Sebagainya

8.28.1 Barang siapa melakukan pemalsuan berkenaan dengan sesuatu surat yang berupa sebagai suatu rekod atau langkah-pembicaraan sesebuah Mahkamah, atau sesuatu Daftar Beranak, Baptism, Perkahwinan, atau perkuburan, atau sebagai suatu Daftar yang disimpan oleh seseorang penjawat awam sebagai yang demikian, atau sebagai suatu perakuan atau suratan, yang berupa sebagai dibuat oleh seseorang penjawat awam atas jawatan rasminya, atau sebagai suatu kuasa bagi membawa atau membela sesuatu guaman, atau bagi menjalankan apa-apa langkah-pembicaraan di dalamnya, atau bagi mengaku menerima hukuman, atau sebagai sesuatu kuasa wakil,

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.29 Seksyen 467 Akta 574: Pemalsuan Surat Cagaran Berharga Atau Wasiat

8.29.1 Barang siapa melakukan pemalsuan berkenaan dengan sesuatu surat yang berupa sebagai suatu cagaran berharga atau suatu wasiat, atau suatu kuasa bagi mengambil sebagai anak angkat seorang kanak-kanak lelaki, atau yang berupa memberi kuasa kepada seseorang bagi membuat atau memindah-milik apa-apa cagaran berharga, atau bagi menerima wang pokok, faedah, atau dividen atasnya, atau bagi menerima atau menyerahkan apa-apa wang, harta yang boleh dialih atau cagaran berharga, atau apa-apa surat yang berupa sebagai sesuatu penyelesaian atau resit, yang mengaku penerimaan pembayaran wang, atau sebagai sesuatu penyelesaian atau resit bagi penyerahan apa-apa harta yang boleh dialih atau cagaran berharga, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.30 Seksyen 468 Akta 564: Pemalsuan Bagi Maksud Hendak Menipu

8.30.1 Barang siapa melakukan pemalsuan, dengan maksud supaya surat pemalsuan itu digunakan bagi maksud hendak menipu, hendaklah

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.31 Seksyen 469 Akta 574: Pemalsuan Bagi Maksud Hendak Merosakkan Nama Baik Seseorang

8.31.1 Barang siapa melakukan pemalsuan, dengan maksud supaya surat pemalsuan itu merosakkan nama-baik mana-mana pihak, atau dengan mengetahui itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.32 Seksyen 470 Akta 574: 'Surat Pemalsuan'

8.32.1 Sesuatu surat palsu, yang kesemuanya atau sebahagiannya dibuat dengan jalan pemalsuan, adalah dinamakan 'surat pemalsuan'.

8.33 Seksyen 471 Akta 574: Menggunakan Surat Pemalsuan Sebagai Tulin

8.33.1 Barang siapa dengan tipuan atau dengan curangnya menggunakan sebagai tulin apa-apa surat yang ia ketahui atau ada sebab mempercayai sebagai suatu surat pemalsuan, hendaklah diseksa sama seperti seolah-olah ia telah melakukan pemalsuan berkenaan dengan surat itu.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.34 Seksyen 472 Akta 574: Membuat Atau Memiliki Meteri, Pelit Lancung, Dan Sebagainya, Dengan Niat Hendak Melakukan Pemalsuan Yang Boleh Diseksa Di Bawah Seksyen 467

8.34.1 Barang siapa membuat atau melancung apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat bagi membuat sesuatu teraan, dengan niat supaya digunakan bagi melakukan apa-apa pemalsuan yang boleh diseksa di bawah seksyen 467, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat itu dengan mengetahuinya sebagai lancung, hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.35 Seksyen 473 Akta 574: Membuat Atau Memiliki Meteri, Pelit Lancung, Dan Sebagainya, Dengan Niat Hendak Melakukan Pemalsuan Yang Boleh Diseksa Di Bawah Seksyen Lain

8.35.1 Barang siapa membuat atau melancung apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat bagi membuat sesuatu teraan, dengan niat supaya digunakan bagi melakukan apa-apa pemalsuan yang boleh diseksa di bawah mana-mana seksyen dalam Bab ini yang lain daripada seksyen 467, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat itu dengan mengetahuinya

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

sebagai lancung, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.36 Seksyen 474 Akta 574: Ada Memiliki Surat Cagaran Berharga Atau Wasiat Yang Diketahui Sebagai Pemalsuan, Dengan Niat Hendak Menggunakannya Sebagai Tulin

8.36.1 Barang siapa ada dalam miliknya apa-apa surat, dengan mengetahuinya sebagai pemalsuan, dan dengan maksud supaya digunakan dengan tipuan atau dengan curangnya sebagai tulin, hendaklah, jika surat itu suatu surat dari jenis yang tersebut dalam seksyen 466, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika surat itu suatu surat dari jenis yang tersebut dalam seksyen 467, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.37 Seksyen 475 Akta 574: Melancungkan Alamat Atau Tanda Yang Digunakan Bagi Mengsahkan Surat Yang Terdapat Dalam Seksyen 467, Atau Memiliki Benda Yang Bertanda Lancungan

8.37.1 Barang siapa, melancung pada apa-apa benda sesuatu alamat atau tanda yang digunakan bagi mengesahkan sesuatu surat yang tersebut dalam seksyen 467, dengan maksud supaya alamat atau tanda itu digunakan bagi memberi rupa yang sah kepada sesuatu

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

surat yang dilakukan pemalsuan atas benda itu tatkala itu atau yang kemudiannya akan dilakukan pemalsuan atasnya, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa benda yang sesuatu alamat atau tanda itu telah dilancarkan padanya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dia puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.38 Seksyen 476 Akta 574: Melancarkan Alamat Atau Tanda Yang Digunakan Bagi Mengesahkan Surat Lain Daripada Surat Yang Tersebut Dalam Seksyen 467, Atau Memiliki Benda Yang Bertanda Lancungan

8.38.1 Barang siapa melancarkan pada apa-apa benda sesuatu alamat atau tanda yang digunakan bagi mengesahkan sesuatu surat yang lain daripada surat yang tersebut dalam seksyen 467, dengan maksud supaya alamat atau tanda itu digunakan bagi memberi rupa yang sah kepada sesuatu surat yang dilakukan pemalsuan atas benda itu atau yang kemudiannya akan dilakukan pemalsuan atasnya, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa benda yang sesuatu alamat atau tanda itu telah dilancarkan padanya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

8.39 Seksyen 477 Akta 574: Dengan Tipuan Memadamkan, Membinasakan, Dan Sebagainya, Wasiat

8.39.1 Barang siapa dengan tipuan, atau dengan curangnya, atau dengan niat hendak menyebabkan kerosakan atau bencana kepada awam atau kepada seseorang, memadamkan, membinasakan, atau merosakkan, atau mencuba memadamkan, membinasakan, atau merosakkan, atau menyorokkan, atau mencuba menyorokkan, apa apa surat yang menjadi atau yang berupa sebagai suatu wasiat, atau suatu kuasa bagi mengambil seorang kanak-kanak lelaki sebagai anak angkat, atau apa-apa cagaran berharga, atau melakukan khianat mengenai surat itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.40 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993.

9.0 KOD ETIKA KERJA

9.1 Warga Majlis Bandaraya Kuantan adalah tertakluk untuk pengamalan etika kerja yang telah dinyatakan di bawah Kod Etika Kerja MBK.

Dokumen sokongan:

DOKUMEN	PERINCIAN	CAPAIAN
• KOD ETIKA KERJA MBK	• Amalan kerja untuk warga kerja Majlis	• Bahagian Integriti

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

	Bandaraya Kuantan	
--	-------------------	--

10.0 PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

10.1 Secara asasnya Majlis Bandaraya Kuantan mengikuti kepada Pekeliling Bil. 3 Tahun 1998. Namun pihak Majlis juga telah menyediakan Prosedur Pengurusan Penerimaan Hadiah Majlis.

Dokumen sokongan:

DOKUMEN	PERINCIAN	CAPAIAN
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Versi 1.0 (2024) Ceraian UP.7.2.5	Garis panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah, Keraian dan tajaan di Dalam Perkhidmatan Awam	Bahagian Integriti
Prosedur Pengurusan Penerimaan Hadiah MBK	Prosedur dan tatacara dalam pemberian dan penerimaan hadiah MBK	Bahagian Integriti

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

11.0 SUMBANGAN POLITIK

11.1 Majlis Bandaraya Kuantan tidak bertolak ansur dalam memberi apa-apa yang berkaitan dengan ahli politik. Sebarang aktiviti berkaitan politik seperti penglibatan dalam kempen pilihanraya hendaklah tidak bercanggah dengan kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)

12.0 DERMA DAN TAJAAN

12.1 Majlis Bandaraya Kuantan tidak mengamalkan sebarang pemberian dan tidak dibenarkan memohon hadiah, derma atau tajaan.

13.0 SUMBANGAN KEBAJIKAN

13.1 Majlis Bandaraya Kuantan ada membuat sumbangan kebajikan kepada golongan tertentu seperti mangsa banjir dan bantuan warga yang menghadapi kemudaratan melalui Jabatan Kemasyarakatan dan Pelancongan di bawah Unit Pembangunan Komuniti, Bahagian Komuniti dan Sukan. Untuk sumbangan daripada orang perseorangan atau kumpulan orang, syarikat swasta atau persatuan, ianya perlulah dilaksanakan mengikut Prosedur Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

14.0 PROSEDUR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING*)

14.1 Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) telah diwujudkan bagi memberi perlindungan kepada Warga MBK dan pengadu seandainya membuat aduan dengan niat sucihati berkenaan rasuah mengikut kepada Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat.

Dokumen sokongan:

DOKUMEN	PERINCIAN	CAPAIAN
Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (<i>Whistleblowing</i>)	Prosedur dan tatacara pengurusan aduan/ maklumat rasuah	Bahagian Integriti

15.0 PERLINDUNGAN TOLAK ANSUR

15.1 Warga Majlis Bandaraya Kuantan juga dilindungi dari sebarang timbal balas (*retaliation*) sekiranya beliau tidak mahu melibatkan diri atau menolak dari melakukan sebarang aktiviti rasuah.

16.0 SURAT SOKONGAN

16.1 Warga Majlis Bandaraya Kuantan mengamalkan dasar menolak sebarang bentuk pengaruh / tekanan luar untuk menyokong / memajukan apa-apa tuntutan. MBK juga tidak mengeluarkan sebarang surat sokongan kepada mana-mana pihak.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Dokumen sokongan:

DOKUMEN	PERINCIAN	CAPAIAN
Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993	- Perkara 4 (2) (h) – Bahagian II Kelakuan	Bahagian Integriti

17.0 USAHA WAJAR (*DUE DILIGENCE*)

17.1 Majlis Bandaraya Kuantan melaksanakan usaha wajar ke atas warga Majlis, rakan niaga dan rakan strategik untuk menilai kesahihan dan ketepatan maklumat yang dibekalkan atau sebelum membuat sebarang keputusan.

17.2 Usaha wajar dilaksanakan terhadap semua proses yang mempunyai tahap risiko melebihi rendah berkaitan transaksi, projek dan aktiviti dalam skop Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR), sama ada diperingkat perancangan atau hubungan sedia ada dengan rakan niaga dan rakan strategik.

17.3 Pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] dan Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Pahang 2016 serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah terpakai bagi pengambilan pegawai dan kakitangan yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Kuantan (MBK).

17.4 MBK melaksanakan usaha wajar mengikut dasar yang diperuntukkan terhadap warga MBK sebelum mereka ditempatkan/ ditukarkan/ mendapat kenaikan pangkat bagi memastikan pematuhan dasar antirasuah dan keperluan SPAR. Warga MBK perlu melepasi tapisan keselamatan dan tapisan keutuhan sebelum pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat.

17.5 Pemberian imbuhan berdasarkan pemarkahan prestasi, pencapaian sasaran prestasi tertakluk kepada **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Panduan Pelaksanaan Pemberian Bentuk Pengiktirafan Pegawai Perkhidmatan Awam dan Sistem Pengurusan Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia Versi 1.0 (2024)**

17.6 Warga MBK dan Badan Tadbir Urus perlu membuat pengisytiharan bagi mengesahkan pematuhan mereka terhadap dasar antirasuah.

17.7 Usaha wajar dilaksanakan dari masa ke semasa untuk mendapatkan maklumat mencukupi semasa membuat penilaian dan dikemaskini secara berterusan bagi memastikan perubahan dan maklumat baru diambilkira dalam penentuan semula tahap risiko.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
 NO. PINDAAN : 02
 TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Dokumen sokongan:

DOKUMEN	PERINCIAN	CAPAIAN
- Peraturan- Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] - Peraturan- Peraturan Pegawai Awam Negeri (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Pahang) 2016 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan	Perkara 4: Tatacara Pengambilan	- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - Bahagian Integriti

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
 NO. PINDAAN : 02
 TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan		
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Panduan Pelaksanaan Pemberian Bentuk Pengiktirafan Pegawai Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2024) - Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Sistem Pengurusan Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia Versi 1.0 (2024)	Perkara 4: Prinsip asas dan tujuan utama sistem penilaian prestasi	- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - Bahagian Integriti

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

18.0 IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN KEPADA POLISI ANTIRASUAH

18.1 Ketidakpatuhan seperti yang dikenalpasti oleh audit dan penilaian risiko harus dilaporkan dalam Mesyuarat Semakan Semula Pengurusan SPAR MBK pada masa yang ditetapkan.

18.2 Mana-mana pihak yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah boleh dikenakan:

- i. Warga MBK: Tindakan tatatertib dan jika terlibat dengan kes rasuah boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- ii. Rakan niaga, rakan strategik dan pihak luar: Tindakan penangguhan / pembatalan jika kontrak belum dimuktamadkan atau tindakan penamatan. Hukuman lanjut juga boleh diambil jika melibatkan kerugian / kepentingan MBK seperti bayaran gantirugi atau tindakan undang-undang yang berkaitan.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2016 (ABMS)



NO. DOKUMEN : BI 01
NO. PINDAAN : 02
TARIKH KUATKUASA : 03 APRIL 2026

19.0 PERTANYAAN

19.1 Sebarang pertanyaan kepada polisi ini boleh menghubungi:

Ketua Bahagian Integriti

Bahagian Integriti, Pejabat Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuantan

Kompleks Bandaraya Kuantan

Jalan Tanah Putih

25000 Kuantan

Telefon: 09-5121 555 / 666 samb. ke 7630

Email: integriti@mbk.gov.my

-TAMAT-